

03-05-2017
MAY 2017
ERIMA

KENALI RAJA KITA

■ Koleksi 1
gambar,
barang
peribadi
Sultan
Muhammad V
dipamerkan
di Muzium
Diraja, Istana
Lama

Harian metro
315117
mls-32-33





Untuk video layari

www.hmetro.com.my/mymetrotv

Suraya Roslan

suraya@hmetro.com.my

Koleksi gambar peribadi dan peralatan seperti go-kart, basikal, menyelam dan memanah milik Sultan Muhammad V antara tarikan menarik Pameran Raja Kita sempena pertabalan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15.

Pameran Raja Kita yang diadakan setiap lima tahun sekali di Muzium Diraja, Istana Lama bermula hari ini hingga 4 September menyajikan pelbagai koleksi peribadi Seri paduka menerusi hobi dan aktiviti sukan serta rekreasi yang diminati.

Pengarah Muzium Diraja Miti Fateema Sherzeella Mohd Yusoff berkata, keunikan pameran kali kedua itu menekankan dua komponen iaitu institusi Yang di-Pertuan Agong dan sejarah institusi beraja Kelantan.

“Pameran ini bertujuan memperkenalkan baginda kepada rakyat dengan mempamerkan bidang kuasa, hubungan bersama rakyat dan sisi peribadi baginda menerusi hobi serta aktiviti riadah diminati.


“Jadi rakyat boleh melihat antara koleksi peribadi hobi Seri Paduka seperti boling, basikal, memanah, menyelam, ping pong serta persalinan yang digunakan baginda ketika solat,” katanya kepada Harian Metro di sini, semalam.

Menurutnya, selain koleksi peribadi baginda, turut dipamerkan kertas undian rahsia pemilihan serta surat sumpah jawatan ketika istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong, baru-baru ini.

“Selain itu, bagi memberi gambaran umum kepada orang ramai, kita turut mempamerkan alat kèbesaran seperti keris panjang diraja, cogan alam, cogan agama, cokmar, pedang, keris panjang serta

6





1. YANG di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V bertitah pada majlis perasmian Pameran Raja Kita di Muzium Diraja.

2. BASIKAL dan peralatan berkuda Sultan Muhammad V yang dipamerkan.

3. PENGUNJUNG melihat gambar Yang di-Pertuan Agong.

4. GO-KART antara barang peribadi Sultan Muhammad V yang dipamerkan.

5. KERIS yang dipamerkan.

6. PETI undi dan kertas undi yang digunakan dalam pemilihan giliran Yang di-Pertuan Agong.



sundang diraja.

“Malah, terdapat juga pakaian istiadat pertabalan seperti muskat, tengkolok diraja, pending diraja, keris pendek diraja, gandik diraja dan kalung diraja yang dipamerkan untuk tatapan semua,” katanya.

Miti Fateema berkata, antara cabaran yang dihadapi pihaknya ialah untuk mendapatkan koleksi simpanan baginda yang berada dalam simpanan agensi lain.

“Lebih 100 gambar terbaik daripada ribuan keping yang kami dapat daripada semua agensi dipamerkan di muzium ini.

“Kami membuat persediaan lebih dua tahun untuk mempersiapkan pameran ini.

“Kita menyasarkan 40,000 pengunjung sebulan dan diharap menjadi destinasi popular dalam kalangan pelancong ke negara ini,” katanya.

Semalam, Sultan

Muhammad V berkenan merasmikan Pameran Raja Kita diiringi Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Pada majlis itu, baginda memalu gong sebanyak tiga kali sebagai simbolik perasmian pameran.

Pada 24 April lalu, Sultan Muhammad V ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-15 untuk memerintah Malaysia bagi tempoh lima tahun menggantikan Sultan Kedah Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang tamat tempoh pemerintahan baginda pada tarikh itu.

Muzium Diraja dibuka kepada orang ramai pada 2013 selepas istana baru di Jalan Duta siap sepenuhnya. Sejak dibuka kepada orang ramai pada Februari 2013 hingga Disember 2016, seramai 656,571 pengunjung datang melawat ke muzium itu dengan jumlah kutipan jualan tiket diperoleh sebanyak RM3.7 juta.